



ALBUM MPPUMS SESI 2016/17... Para tetamu undangan bersama wajah baru MPPUMS.

# Bakat kepimpinan MPPUMS akan terserlah peringkat lebih tinggi

NST 21-10-16 5

OLEH IZHAM WAIDI  
(izham@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Bakat kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPPUMS) akan terserlah di peringkat universiti dan global.

Naib Canselor UMS Datuk Dr Harun Abdullah berkata kepimpinan MPP akan lebih berkembang setelah pindaan dan penambahbaikan dilakukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Oleh itu, program dan aktiviti dianjurkan oleh MPP mempunyai matlamat pada masa yang sama mendukung 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).

"Tanggungjawab MPP amat berat dalam memastikan kebajikan pelajar dan hal ehwal pelajar semasa dapat diketengahkan dan diselesaikan dengan baik," Harun berucap sempena Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP Sesi 2016/17 di Cafe D'Sireh, Bangunan Canselor, petang kelmarin.

Katanya, cadangan-cadangan yang rasional dan praktikal oleh MPP turut akan diperhalusi serta dipertimbangkan. Beliau berharap agar isu-isu dan masalah-masalah kebajikan pelajar dapat dibawakan oleh MPP dari masa ke masa.

"Oleh yang demikian, kepercayaan dan mandat yang telah diberikan hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya," katanya.



WATIKAH... Harun (tiga, dari kiri) menyerahkan watikah pelantikan kepada Presiden MPPUMS Mohd Afi sambil disaksikan Ismail (dua, dari kiri).

"Anda (MPP) perlu menjadi teladan yang baik kepada universiti dan pelajar yang telah memilih sebagai MPP yang baharu," kata beliau.

Menurutnya lagi, kini jumlah pengundian MPP sesi ini amat memberangsangkan iaitu sebanyak 57 peratus berbanding dahulu dengan 32 peratus sahaja.

Harun mengingatkan kepada pelajar terlibat supaya sentiasa bersedia ke arah transformasi bersesuaian dengan keperluan masa dan perubahan persekitaran.

Pada majlis pelantikan ini, Presiden

MPPUMS bagi sesi 2016/17 diberi kepada Mohd Afi Haziq Sapili. Manakala, timbalannya Wan Mahussin Wan Zain. Seramai 32 ahli MPP termasuk Majlis Eksekutif dalam sesi tersebut. Pelantikan MPP ini turut membabitkan dari Kampus Antarabangsa Labuan dan UMS Cawangan Sandakan.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UMS Dr Ismail Ali, Pegawai-pegawai utama dan Kanan Universiti, Dekan-dekan Fakulti, Kakitangan Jabatan Hal Ehwa Pelajar dan Alumni dan lain-lain.